BAB 2
RETORIK DAN PEMUJUKAN

2.0 Pengenalan

"Setiap orang ada memanfaatkan retorik menurut kemampuan masing-masing, ketika mereka bertutur", demikian kata Aristotle dalam bukunya yang bertajuk Rhetoric (Oka, 1976 : 8). Retorik menjadi satu lapangan kajian yang menarik pada akhir tahun 20-an dan sebelumnya. Ia berkembang dari semasa ke semasa bersama teori-teori baru tentang gaya dan memberikan jawapan kepada soalan-soalan penting berkenaan penciptaan, gaya, bentuk, pedagogi, proses mengubah dan lain-lain perkara (Winterowd, 1975: ix).

Secara umumnya, keseluruhan bab ini akan membicarakan retorik serta aspek pemujukan yang merupakan satu daripada cabang bidang retorik dan menjadi dasar kajian tesis ini. Beberapa pendapat tokoh-tokoh akan diketengahkan tentang definisi retorik dan pemujukan.

Sejarah perkembangan retorik turut disentuh secara ringkas dari zaman klasik sehingga ke zaman kontemporari. Ini bertujuan untuk memperlihatkan perkembangan ilmu retorik di kalangan para pengkajinya.

Seterusnya, pengkaji menyentuh serba ringkas tentang aspek retorik pemujukan seperti pendefinisian 'pemujukan', jenis-jenis pemujukan, tiga elemen pemujukan dan penggunaan unsur pemujukan dalam bidang politik.

2.1 Definisi Retorik

Menurut Hunt (1992: 2), seawal 1000 tahun Sebelum Masihi, para sarjana, guru, dan ahli falsafah telah memberikan perhatian tentang cara manusia bercakap di khalayak umum. Ahli-ahli falsafah Greek dan Romawi telah membuat kajian tentang pidato dan membentuk teori-teori tentang pengucapan yang berkesan. Bagi mereka, pidato ialah suatu kepakaran yang penting bagi ahli-ahli politik dan juga merupakan satu bentuk hiburan yang disukai ramai.

Ramai orang yang meluangkan masa berjam-jam untuk mendengar ucapan pemidato-pemidato terkemuka. Oleh itu, tidak hairanlah retorik telah lahir sebagai suatu seni yang tersendiri di kalangan penduduk Sicily yang berbangsa Yunani pada abad ke-5 Sebelum Masihi.

Menurut John Smith (1969: 1), istilah retorik berasal dari dua perkataan Greek yakni *'Rheo'* yang bermaksud "bertutur", dan *'Techicôs'* yang bermaksud 'kepalsuan'. Lantaran itu, menurut Cicero (1962:7), Gorgias dan guru retorik yang

lain telah mendakwa bahawa seseorang pemidato tidak perlu menyibukkan dirinya dengan kebenaran perkara yang berada di tangannya. Kebenaran atau kebijaksaan tujuan adalah sesuatu yang tidak relevan tetapi yang dipentingkan hanyalah ketangkasan pengucapan ahli pidato itu dalam mengetengahkan keputusan-keputusannya dengan cara yang meyakinkan.

Pendapat ini telah disokong oleh Brilhart (1992 : 35) yang mengatakan bahawa sebagai pemidato, kita boleh memilih untuk menggunakan wadah retorik untuk membuat sesuatu yang salah menjadi benar, memusnahkan pemikiran yang kritis atau membuatkan sesuatu yang paling teruk supaya kelihataan terbaik. Tanggungjawab sebagai seorang aktor adalah terletak pada diri pemidato. Lantaran itu, retorik dilihat sebagai ilmu yang mengajarkan penganutnya menjadi seorang yang tidak bermoral.

Dalam aspek pendefinisian, terdapat ketidakragaman tentang pengertian retorik sejak di awal perkembangannya hingga ke hari ini. Justeru, keadaan yang demikian ini amat menyulitkan seseorang untuk memilih salah satu di antaranya sebagai pegangan (Oka, 1976: 25). Hal ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan Louis Glorfeld (1965: 17) yang menyatakan bahawa:

> "Rhetoric has never been easy to define, largely because of the imprecise and shifting meanings affixed to the word by individuals who used it in either a highly speciallized or a grandly sweeping sense."

Namun begitu, Thomas de Quency (Fredrick Burwick, 1967: 81) mengakui bahawa tiada seni yang dibina oleh manusia yang mengalami banyak revolusi dan pandangan selain daripada seni retorik. Ini kerana retorik menurut Corax (Dixon, 1991: 12) merupakan satu seni *"yang mahir dalam perihal meyakinkan orang"*.

Pada awal sejarah ilmu retorik, tekanan seni wacana ini diletakkan pada ahli pidato dan seni berpidato. Justeru, rata-rata ahli retorik awal sering mengaitkan retorik dengan seni berbicara. Abraham Fraunce (1969: 1) mendefinisikan retorik sebagai satu seni dalam berbicara. Beliau telah membahagikan retorik kepada dua bahagian, iaitu seni berpidato dan pengucapan. Nyata kedua-dua bahagian ini tetap berkait rapat dengan aspek 'berbicara'.

Menurut Richard E. Young (1970: 1), dasar makna retorik itu sendiri secara etimologinya dikutip daripada perbendaharaan Greek, iaitu '*eiro*' yang bermaksud gaya berbicara. Ia amat menekankan kebolehan dari aspek budi bahasa yang semestinya berkaitan pula dengan tutur kata. Perkara inilah yang menjadi ukuran sama ada seseorang itu memiliki retorik atau sebaliknya.

Namun begitu, jika dihalusi, di sini jugalah seni pemujukan amat dititikberatkan. Aristotle (1952: 1355b 1) menyatakan bahawa :

> "Rhetoric may be defined as the faculty of observing in any given case the available means persuasion. This is not a function of any other part."

Makna retorik yang menfokuskan pemujukan turut diketengahkan oleh Plato. Pelopor ilmu retorik dan juga merupakan guru Aristotle itu telah mengaitkan retorik dengan seni pemujukan, kesan, dan wacana (Plato, 1963: 224). Ceciro pula berpendapat bahawa pidato direka khas untuk membujuk (dicere ad persuadendum accommodate) manakala Isocrates menganggapnya sebagai tukang pembujukan (peitous demiourgus) serta Quintilian berpandangan bahawa retorik adalah sains pengucapan yang baik (bene dicendi scientia) (Noor Azam, 1997: 94).

Mengikut pandangan John E. Jordan (Hashim Abdullah, 1995: 77), retorik lebih mementingkan seni pembujukan ketika berucap. Dengan erti kata yang lain, retorik digunakan untuk mempengaruhi khalayak agar memberikan tindak balas tertentu terhadap apa-apa yang disampaikan oleh pengucap. Beliau menjelaskan lagi bahawa bahasa berperanan penting untuk membujuk, sama ada diri sendiri (walaupun jarang disedari oleh pengucap) atau orang lain agar khalayak mengambil sikap tertentu terhadap apa-apa yang diucapkan.

Namun begitu, Socrates, dalam karangan Aristotle (1959: xix) memberikan pengertian yang agak berbeza terhadap retorik. Menurut beliau :

> "... replies that is not an art at all, but a mere knack of gratifying and pleasing the hearer. It is a species of the genus flattery, like cookery (the art of making daintes), cosmetic (of adorning the person) and sophistic."

Retorik di zaman moden ini telah memperlihatkan perubahan dalam aspek pendefinisian. Hal ini kerana bidang retorik tidak lagi hanya tertumpu kepada aspek lisan bahkan telah menjangkau aspek penulisan dan bidang-bidang yang lain seperti perfileman.

Lantaran itu, ahli retorik moden tidak lagi mengecilkan skop retorik semata-mata kepada seni berbicara atau berpidato kerana retorik juga terangkum sebagai satu cara pemakaian bahasa baik dalam aspek lisan mahupun tulisan (Gorys Keraf, 1981: 2).

Brooks dan Warren (1979:5) mendefinisikan retorik dengan cara yang agak umum dan menyeluruh yakni *"Retorik, lebih tepatnya, adalah seni penggunaan bahasa secara berkesan."* Kenyataan ini hampir bersamaan dengan pendapat Hashim Abdullah (1995: 76) yang menyatakan bahawa *".. kebolehan menyatakan sesuatu dengan seberkesan mungkin."* Kenneth Burke (Oka, 1976: 34) pula memandang retorik sebagai ilmu yang mengajarkan orang mengidentifikasikan diri, masalah yang akan dituturkan, bahasa yang dipakai, pendengar, dan hasil yang diharapkan dalam erti yang seluas-luasnya.

I. A. Richards (1950: 23) mendefinisikan retorik sebagai suatu kajian tentang kefahaman (understanding) dan kesalahfahaman (misunderstanding) pengucapan. Martin Steinmann Jr (1967: 22) melihat retorik dari segi bahasa.

Menurut beliau, retorik berbicara tentang pemilihan yang efektif terhadap bentuk cara-cara pengungkapan yang sinonim.

Pengertian retorik menurut para pendukung semantik ialah ilmu yang mengajarkan orang mengatakan bahagian tertentu daripada sesuatu dengan sebaik yang mungkin. Bagi pendukung teori tagmemik pula, mereka melihat retorik sebagai ilmu yang mengajar manusia menggarap masalah tutur secara 'heuristik'.

Walau bagaimanapun, terdapat juga pihak yang menyempitkan pengertian retorik dan meyimpang daripada pengertian retorik yang agak umum sifatnya. Hoyt H. Hudson (Natanson dan Johnstone, 1963: 21) dengan nada yang agak pesimis melihat bahawa istilah retorik itu telah banyak kehilangan konotasi baiknya. Penyamaan retorik dengan tutur yang berbunga-bunga, dan retorik adalah 'ilmu silat lidah' adalah dua jenis pengertian yang merugikan masa depan nama baik retorik.

Pada zaman pertengahan dan zaman Renaissance, retorik lebih dikenali sebagai pembelajaran kesusasteraan. Retorik hanya dipelajari dalam kerangka mempelajari kesusasteraan. Tidak kurang juga terdapat sebilangan ahli retorik yang beranggapan bahawa retorik itu ialah gaya bertutur dan juga gaya bahasa. Lantaran itu, tidak hairanlah dalam pengajaran bahasa Inggeris di Amerika, ada yang cenderung menganggap retorik itu sebagai pedoman karang-mengarang.

Menurut T. S. Eliot (Dixon, 1991: 7-8), retorik secara halus terbukti sebagai sesuatu yang tidak berguna, atau dalam golongan kelas kedua yang tidak diketahui keperluannya yang tepat dalam frasa yang diaplikasikannya. Justeru, tidak hairanlah retorik telah dilabelkan sebagai suatu gaya perhiasan yang berkilat tetapi tidak berharga, persembahan yang indah pada zahir tetapi tidak bermakna.

Berdasarkan pengertian-pengertian retorik yang telah dibincangkan, rumusannya, retorik adalah satu bidang ilmu yang luas. Di dalamnya terangkum tindakan dan usaha yang efektik untuk mencapai keberkesanan proses kemunikasi bahasa sama ada yang berbentuk lisan mahupun tulisan.

2.2 Sejarah Ringkas Perkembangan Retorik

Sejarah perkembangan ilmu retorik bermula pada zaman klasik yang dibahagikan kepada dua, iaitu zaman Yunani dan zaman Romawi. Menurut sejarah perkembangannya, retorik mula-mula tumbuh dan berkembang di antara 250 tahun selepas tulisan awal Kagemni dalam abad ke-5 Sebelum Masihi di Sicily. Menurut pengertian asalnya, retorik adalah sebuah telaah atau kajian yang sistematik tentang 'oratoria' atau seni berpidato. Oleh itu, tidak hairanlah kemampuan dan kemahiran berbahasa pada waktu itu amat dipentingkan dalam penyampaian fikiran dan gagasan

melalui pidato-pidato kepada khalayak bagi mencapai sesuatu objektif (Mc. Croskey, 1972: 4).

Ilmu retorik pertama kalinya muncul di Sirakusa, ibu kota Pulau Sisilia yang termasuk dalam daerah kekuasaan Yunani. Tokoh pertama yang memperkenalkan ilmu ini ialah Corax (500 Sebelum Masihi). Di antara karyanya ialah *Art of Rhetoric*, dan *Téchné*, yang ditulis bersama-sama dengan muridnya yang bernama Tissias. Retorik Corax-Tissias inilah kemudiannya telah popular di Semenanjung Attic (Yunani) sehingga dikenali sebagai Retorik Attic (Oka, 1976: 27).

Menjelang akhir abad ke-5 Sebelum Masihi, terdapat sekelompok filosof dari Kota Athene yang lebih dikenali dengan kaum Sofis yang telah mengembangkan pengertian lain tentang retorik itu (Oka, 1976: 27). Protagoras of Adbara, atau sering juga digelar sebagai *'Father of Debate'*, merupakan tokoh yang pertama dan ahli Sofis yang penting (Mc. Croskey, 1972: 5).

Sezaman dengan Protagoras ialah Gorgias of Leontini yang merupakan tokoh pertama yang melihat kepentingan tentang kewujudan 'emosi' dalam pemujukan (Mc. Croskey, 1972: 5).

Tokoh yang paling berpengaruh di kalangan ahli Sofis ialah Isocrates. Dua daripada karyanya, iaitu *Antidosis* dan *Against The Sophists* banyak membantu pengkaji retorik dengan pemikirannya berkenaan ilmu retorik. Plato (428-348

Sebelum Masihi) turut memberikan sumbangan yang besar dalam kemajuan teori retorik melalui dialognya yang berjudul *Gorgias* dan karyanya *Phaedrus* yang mengandungi *'three speeches on love'* (Mc. Croskey, 1972: 6).

Aristotle (348-322 Sebelum Masihi) merupakan tokoh retorik agung yang terkenal dengan tiga buah bukunya yang berjudul *'Rhetoric'*, yang ditulis sekitar tahun 300 SM dalam tiga jilid iaitu Book I, Book II, dan Book III. Terdapat juga di kalangan pengkaji retorik yang mengenalinya sebagai buku tentang pengucap, khalayak pendengar, dan ucapan (Mc Crosky, 1972: 6).

Zaman Romawi pula berlangsung antara tahun 300 SM hingga 130 SM. *Rhetorica ad Herennium* (sekitar abad ke-82) merupakan karya pertama Latin dalam bidang retorik. Pangarangnya tidak dapat dipastikan namun, ia dirujuk kepada karya tulisan Ceciro dan Cornificius.

Antara tokoh yang terkenal pada zaman ini adalah Ceciro (106-43 SM) yang telah mengarang beberapa buah karya dalam bidang retorik seperti *de Inventione, de Oratore, Orator, Partitiones Oratoriae, Brutus, de Optimo genere Oratorum,* dan *Topica.* M. Fabius Quintilianus (Quintilian), seorang 'Spaniard' terkenal dengan hasil hajiannya yang berjudul Institutio Oratoria yang disusun dalam 12 judul.

Berakhir zaman klasik, bermulalah zaman Pertengahan dari abad ke-3 Selepas Masihi hingga ke zaman awal Renaissance. Sebenarnya, tidak ramai yang

mengetahui perkembangan teori retorik semasa zaman ini. Satu-satunya nama yang unggul pada masa ini adalah Augustine, yang merupakan seorang guru retorik sebelum bertukar kepada nama Christianity.

Tokoh-tokoh seperti Bede, Alcuin, Cassiodorus, Isodore, dan John of Salisbury pula hanya memainkan fungsi sebagai penterjemah hasil kajian awal atau mengubah mana-mana hasil kajian berbanding dengan mengembangkan teori dengan cara mereka sendiri.

Kelahiran semula teori retorik semasa zaman Renaissance bukanlah satu petanda yang baik. Walaupun kegiatan retorik berteraskan tradisi Aristotle, ia masih belum mendominasikan kegiatan retorik. Satu pandangan yang dominan tentang retorik adalah retorik sebagai satu pembelajaran tentang aspek gaya dan penyampaian.

Sewajarnya perhatian dalam konteks ini adalah tentang pemikiran Petrus Ramus yang melihat logik (rekacipta dan susunan) dan retorik (gaya dan penyampaian) sebagai satu disiplin yang terpisah. Sebahagian lagi kajian tentang 'faulty view' retorik dilakukan oleh Richard Sherry, Henry Peacham, dan Dudley Fenner.

Dua kajian di England pula dilakukan oleh Leonard Cox *(The Arte or Crafte of Rhetoryke)* dan Thomas Wilson *(Arte of Rhetorique)*. Pada awal abad ke-17, Sir

Francis Bacon telah memperkenalkan dua karya yang merujuk kepada bidang retorik iaitu *The Advencement of Learning* (1605) dan *De Augmentis Scientiarum* (1623).

Pada zaman kolonial, tokoh pertama yang harus diteliti adalah Fenelon, seorang ahli retorik Perancis yang menganggap retorik sebagai *"... a social instrument."* (McCroskey, 1972: 13). Terdapat sekumpulan ahli teori yang dikenali sebagai Gerakan Elocutionary bagi mewakili antitesis *'naturalness'* Fenelon. Pengasas gerakan ini adalah Thomas Sheridan, Joshua Steele, John Walker, dan James Borg.

Di kalangan ahli retorik British pula, terdapat tiga orang tokoh yang digelar *'Great Atypical British'* iaitu George Campbell, Hugh Blair, dan Richard Whatley. Penulis terakhir yang harus dicatatkan dalam zaman kolonial adalah John Quincy Adams, seorang tokoh retorik di University Havard.

Berakhirnya zaman kolonial, bermulalah zaman moden yang menyaksikan munculnya beberapa orang tokoh yang mengkaji ilmu retorik. Antaranya beberapa orang tokoh retorik dari Amerika seperti James A. Winans, Charles Henry Woolbert dan Herbert A. Wichelns (tokoh pertama yang membuat kelainan yang jelas antara kritikan retorik dengan kritikan sastera), I. A. Richards, dan Kenneth A. Burke.

Kajian mutakhir bidang retorik, iaitu pada zaman kontemporari lebih banyak dan pelbagai berbanding dengan zaman-zaman sebelumnya dalam sejarah teori

retorik. Terdapat tokoh-tokoh yang menulis karya berasaskan teori klasik tanpa cuba untuk menambahkan kualiti yang pastinya akan dihargai dalam teori yang baru seperti J. F. Wilson, C. C. Arnold, Jane Blankenship, dan Edward P. J. Corbett.

Kajian yang menuju ke arah general semantik mungkin secara kasar hanya digolongkan sebagai kajian komunikasi retorik. Dua kajian yang terkenal dalam kategori ini adalah A. Korzybski (*Science and Sanity, 1933*) dan I. J. Lee (*Languange Habits in Human Affair, 1949*). Kajian dalam kategori komunikasi dipelopori oleh D. K. Berlo, (*The Process of Communication, 1960*), dan J. C. McCroskey, C. E. Larson, dan M. S. Knapp yang menulis karya *An Introduction to Interpersonal Communication (1971)*.

Kumpulan yang agak terkemudian turut menyelitkan unsur filosofi retorik dalam kajian mereka adalah seperti S. E. Taulmin, H. W. Jonstone dan M. Natanson. Bagi kajian retorik bersama orientasi kebudayaan, perhatian patut diberikan kepada dua orang tokoh iaitu E. T. Hall dan R.T. Oliver.

2.3 Retorik Pemujukan dan Jenis-jenisnya

Menurut Rom Harre (1985: 128), kajian wacana pemujukan merupakan satu bentuk kajian psiko-linguistik yang tertua. Pemujukan ialah proses aktif, dan bukannya statik. Hujah-hujah yang membujuk boleh dalam bentuk bertulis dan boleh

juga dituturkan tetapi selalunya pemujukan dianggap sebagai proses pertuturan. Seseorang perucap didapati lebih membujuk berbanding dengan seorang penulis kerana perucap mempunyai hubungan langsung dengan khalayaknya.

Bagi sesetengah individu, pemujukan merupakan satu ungkapan yang jelek. Hal ini tidak dapat disangkalkan lantaran pemujukan sering digunakan bagi memperdayakan orang lain. Apatah lagi apabila ia sering dikaitkan dengan janji-janji kosong ahli politik (Byrns, 1994:262).

Merujuk kepada *Century Dictionary And Encyclopedia Lexicon* (dalam Baird, Knower, dan Becker, 1973: 215) pemujukan ialah satu bentuk perlakuan dan kesungguhan penutur untuk mempengaruhi, memenangi fikiran atau kehendak seseorang melalui ucapan dengan teknik-teknik yang sesuai dan bukannya secara paksaan, kekuasaan atau membangkitkan ketakutan dalam diri khalayak.

Pemujukan juga sering dikaitkan dengan proses mengubah sikap, kepercayaan, atau tindakan orang lain (Hunt, 1992: 235). Lantaran itu Severin & Tankard, Jr. (1997: 180) menyatakan bahawa pemujukan terangkum dalam aspek komunikasi. Namun, aspek inilah yang amat menarik minat ramai pengkaji kerana pemujukan berkait rapat dengan kehidupan seharian manusia.

Jika diteliti, pengkaji bidang pemujukan memberikan penakrifan yang hampir sama. Adler & Rodman (2000: 404) mengatakan pemujukan ialah proses

A510677002

memotivasikan seseorang, melalui komunikasi, untuk mengubah kepercayaan, sikap dan tingkah-laku.

Pendapat ini juga sama seperti yang dibuat oleh Hybels dan Weaver II (1995: 430) dan Freely (2000:8) yang mengatakan bahawa pemujukan adalah satu proses yang terjadi apabila komunikator (perucap) mempengaruhi nilai, kepercayaan, sikap atau kehidupan orang lain (pendengar).

Hamilton (1996: 326) pula memberikan pandangan berbeza tentang pemujukan yang dikatakan sebagai satu proses komunikasi yang berniat untuk mendapatkan pengaruh. Ini kerana pemujukan meliputi dua aspek yang penting iaitu: (1) pemujukan adalah disengajakan dan (2) pemujukan melibatkan pengaruh, bukan pengawalan.

Bormann & Bormann (1986: 237) berpendapat bahawa pemujukan kadangkala dikenali 'sebagai pengubah kehidupan'. Namun, ia juga boleh ditakrifkan sebagai satu proses yang mengubah sikap atau kepercayaan, mendapatkan sahabat, mempengaruhi individu, mendapatkan kerjasama atau menjual sesuatu produk atau idea.

Menurut Byrns (1994: 262-266), tujuan ucapan pemujukan boleh dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu untuk mempengaruhi:

i. tanggapan atau fikiran

ii. tingkah laku

iii. dasar atau polisi

Satu sebab penting tujuan kita memujuk adalah untuk mengubah pemikiran seseorang tentang dirinya sendiri, orang lain, peristiwa, dan sesuatu isu. Penutur mungkin ingin pendengar menerima sesuatu idea yang baru, mengubah kepercayaan atau menghapuskan sesuatu kepercayaan. Penutur mempercayai sepenuhnya bahawa tuntutan umum akan diperbesar dan pendengar pula percaya mereka adalah benar. Sebagai seorang penutur, mereka pasti berusaha untuk memperbaiki kepercayaan mereka tentang perkara tersebut.

Selain itu, pemujukan juga dibuat untuk mengubah tingkah laku seseorang, atau memperkenalkan bentuk perlakuan baru yang akan meningkatkan kehidupan dan kesejahteraan mereka. Matlamat pemujukan jenis ini adalah mempengaruhi seseorang untuk mengubah tingkah laku mereka agar melakukan sesuatu perkara. Matlamat utama dalam ucapan berkenaan dengan aspek ini ialah penggunaan pemujukan bermotivasi dan selalunya disusun dalam turutan sebab-akibat.

Pemujukan yang dibuat untuk mengubah dasar dan polisi bermatlamat untuk mencadangkan proses penyelesaian apabila wujud sesuatu polisi atau dasar. Perkara utama dalam ucapan pemujukan jenis ini ialah menyatakan permasalahan dan perkara yang kedua adalah menyatakan proses penyelesaian iaitu dengan

menjelaskan bagaimana proses penyelesaian ini mampu memperbetulkan permasalahan yang wujud. Ketiga ialah memperlihatkan kesan yang akan berlaku hasil daripada perlaksaannya.

Rumusannya, pemujukan adalah satu proses yang penting dalam aktiviti komunikasi manusia sehari-hari. Dalam kebanyakan perkara, manusia lebih cenderung untuk menggunakan kuasa pemujukan sama ada untuk mengubah fikiran, pegangan atau tingkah laku individu lain, misalnya dalam bidang pengiklanan atau kempen-kempen pilihan raya. Di sinilah terlihat kelemahan atau keberkesanan kuasa pemujukan oleh seseorang, iaitu apabila objektif pemujukannya berjaya membuahkan hasilnya.

2.4 Elemen Pemujukan

Terdapat beberapa pendekatan yang boleh digunakan oleh perucap bagi mengukuhkan ucapan pemujukannya yakni melalui penghayatan terhadap unsur logos, patos, dan ethos, yang merupakan tiga elemen pemujukan yang diperkenalkan oleh Aristotle. Di bawah ini akan dibincangkan ketiga-tiga eleman pemujukan.

2.4.1 Ethos

Ethos bermakna pengucapan yang dihasilkan dengan bertitik-tolak daripada pembawaan moral perucap itu sendiri. Peribadi pemidato diutamakan untuk melihat kebenaran ucapannya. Justeru, peribadi yang bersih melahirkan hujahan yang benar.

Dalam bukunya *Rhetoric*, Aristotle (1952:1356a 4-10) telah menjelaskan bahawa:

> "Pemujukan dicapai melalui karektor peribadi penutur apabila ucapan yang diucapkan membuatkannya dipercayai. Kita mempercayai bahawa individu yang baik lebih mudah dinilai berbanding dengan yang lain. Hal ini umumnya adalah benar walau apa jua persoalannya. Jenis pemujukan ini, seperti yang lain, harus dinilai melalui ucapan penutur dan bukannya berdasarkan apa yang difikirkan oleh khalayak tentang karektor penutur sebelum ucapannya dimulakan."

Penutur memiliki pengaruh yang besar seandainya mereka kelihatan sebagai seorang yang berpengetahuan, bermoral, dan memperlihatkan kemesraan terhadap khalayak. Kualiti ini sebenarnya memadai untuk mengubah sikap dan kepercayaan khalayak.

2.4.2 Pathos

Pathos biasanya merujuk kepada emosi yang dipengaruhi di kalangan khalayak, iaitu tanggapan positif mereka terhadap kata-kata seseorang pemidato. Ia merupakan satu permainan emosi yang lebih efektif berbanding dengan logos dalam membuat rayuan. Menurut Aristotle (1952: 1356a 13):

> "...pemujukan boleh didapati melalui pendengar apabila ucapan penutur menyentuh emosinya. Penilaian dibuat apabila khalayak berasa seronok dan rapat dengan penutur.

Keberkesanan rayuan emosi bergantung kepada 'mood' khalayak, sikap khalayak, dan konstruksi pemujukan. Pathos berkesan apabila kecenderungan emosi mengatasi logik. Justeru, pathos merangkumi pemujukan, menerbitkan rasa takut dan memujuk kepada keperluan, keinginan dan kepentingan khalayak (Ulloth & Alderfer, 1998: 284).

2.4.3 Logos

Logos atau logik bermaksud bahawa sesuatu pengucapan itu harus disertakan dengan alasan (reason), pembuktian, atau sebab-musabab yang terang dan

seterusnya dapat dijadikan dasar hujahan. Ia merupakan rujukan kepada pendekatan rasional bagi pemujukan. Selain bentuk hakikat dan fakta, logos menggolongkan dua bentuk alasan asas, iaitu deduktif dan induktif. Aristotle (1952:1356a 18-21) mentakrifkan logos sebagai:

> "...pemujukan dilihat kesannya berdasarkan ucapan itu sendiri, apabila kita membuktikan kebenaran yang jitu dengan cara hujahan pemujukan yang sesuai dengan perkara yang dibincangkan."

2.5 Pemujukan Politik

Kempen politik, pada hakikatnya merupakan satu bentuk komunikasi yang bersifat membujuk. Ia bertujuan untuk mempengaruhi tindakan individu yang lain (pendengar).

Sebenarnya pemujukan politik telah lama wujud. Asalnya ia dikenali sebagai retorik deliberatif, iaitu sejenis retorik yang bermula daripada majlis-majlis popular dan perhimpunan politik, dan ia bermotifkan suatu kepentingan. Sering kali ucapan retorik ini bercampur-baur dengan kepentingan politik.

Tugas pemidato di sini seolah-olah untuk mendesak, dan para pendengar sebaliknya diharapkan memperakui sebarang perkara yang berhubung dengan sesuatu haluan tindakan. Peranan sidang khalayak kini adalah seperti yang dihujahkan oleh

Aristotle (Dixon, 1991: 37) sebagai seorang pengadil tentang sesuatu perkara yang akan datang.

Pada zaman Pertengahan, bidang seni pidato deliberatif telah diisi oleh para pendakwah dan jurutulis warkah. Pada zaman moden, seni pidato ini lebih ditumpukan pada aspek perhimpunan bercorak politik bagi memancing undi para khalayak untuk memilih pucuk pimpinan negara. Menurut Aristotle lagi, seni pidato politik selalunya mengambil berat tentang masa depan (perkara yang harus dilakukan dan tidak patut dilakukan). Ia merupakan topik yang istimewa, yang 'bermanfaat' dan 'tidak bermanfaat' serta bermaksud 'gesaan' dan 'bukan gesaan'.

Dalam strategi berkempen, segala aspek haruslah diambil kira bagi menjayakan kempen. Ia merangkumi ciri seperti keputusan tentang pengundi yang lebih berjaya mempengaruhi khalayak dengan rayuannya, isu-isu yang lebih hangat, peruntukan masa oleh calon, keputuasan tentang pengurusan dan organisasi kempen, dan pilihan matlamat yang mampu mengalahkan pihak pembangkang.

Strategi ini penting lantaran tujuan utama para calon adalah untuk memenangi pilihan raya. Sejak perkara ini menjadi satu peranan yang penting dalam proses politik, sudah pastilah perkara yang diperbincangkan atau ditekankan lebih dititikberatkan kepada teknik-teknik yang digunakan oleh calon-calon yang berkempen.

Tambahan pula, kita juga akan mempertimbangkan fungsi yang terkandung dalam kempen sebagai produk dalam usaha untuk memenangi pilihan raya. Di antaranya adalah pernyataan simbolik tentang keinginan dan tanggungjawab untuk melengkapkan satu persekitaran yang lebih baik terhadap kemajuan kepimpinan politik.

2.6 Kesimpulan

Kajian tentang seni berpidato telah dimulakan seawal 1000 Sebelum Masihi lagi. Aristotle merupakan orang pertama yang bertanggungjawab menulis secara menyeluruh tentang retorik yang pada ketika itu sinonim dengan seni berpidato yang bersifat memujuk.

Meskipun kini tumpuan kajian telah berubah daripada seni berpidato kepada kajian tentang perutusan namun, kedua-dua aspek ini sangat relevan dan penting. Ini kerana, untuk menjadi seorang perucap umum yang cekap, seseorang individu itu sebenarnya telah menjadi seorang perutus umum yang lebih mahir. Dalam konteks ini, keberkesanan ucapan bergantung kepada sejauh mana ia berupaya mempengaruhi atau menukar sikap atau tingkah laku individu yang lain.

Justeru, untuk mendapatkan kesan tersebut, retorik pemujukan seperti kempen-kempen politik tidak terhad kepada fungsi menyebar maklumat semata-mata bahkan mestilah dapat menembusi perasaan dan emosi khalayak pendengar.